

10 AUG 1996

Usul-Tafsiran

UMNO LANGKAWI DAKWA USUL STATUS BEBAS CUKAI DISALAH-TAFSIRKAN

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Umno Bahagian Langkawi hari ini mendakwa isu usul yang meminta kerajaan mengkaji semula taraf bebas cukai Pulau Langkawi telah disalah-tafsirkan.

Ketuanya, Datuk Haji Abu Bakar Taib berkata usul itu tidak sama sekali bermaksud meminta kerajaan menarik balik keistimewaan yang diberikan kepada pulau ini.

"Usul itu dikemukakan, dibahaskan dan diluluskan dengan penuh kesedaran hanya untuk satu tujuan iaitu demi kebaikan penduduk Langkawi sendiri," katanya kepada pemberita di sini.

Abu Bakar, yang juga Anggota Parlimen Langkawi, berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa beliau sedih kerana ada pihak meminta status bebas cukai pulau ini ditarik balik.

Dr Mahathir semasa berucap merasmikan Pusat Peranginan Kampung Tok Senik di sini semalam menyifatkan mereka yang meminta kerajaan menarik balik keistimewaan itu sebagai tidak bersyukur.

Usul itu antara tiga yang diluluskan pada mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian ini pada 28 Julai lepas. Dua usul lain ialah meminta kerajaan mengkaji semula peranan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan kenaikan tambang feri.

Abu Bakar berkata: "Tujuan kita meminta kerajaan mengkaji status itu adalah untuk memperbaiki kelemahan status yang telah dijadikan isu oleh pembangkang. Tiada langsung ayat yang menyatakan meminta ia ditarik balik.

"Saya dengan tegasnya menyatakan bahawa tidak pernah terlintas di hati kami untuk meminta kerajaan menarik balik keistimewaan itu. Usul itu telah disalah-tafsirkan kerana apa yang kita minta ialah kajian untuk memperbaiki kelemahannya," katanya.

Sehubungan itu, katanya Umno Bahagian Langkawi akan tetap mempertahankan usul itu kerana percaya mereka mempunyai alasan yang kukuh.

"Buat masa sekarang, kita tidak melihat sebarang sebab untuk menarik balik usul itu kerana berpendapat ia adalah demi kebaikan," katanya.

Abu Bakar, yang juga Anggota Parlimen Langkawi, berkata seperti juga usul yang berkaitan dengan status bebas cukai, usul meminta kerajaan mengkaji semula peranan Lada dibuat atas alasan serupa.

"Usul ini timbul ekoran tohmahan dan kecaman pembangkang terhadap kewujudan Lada yang mereka dakwa cuba mengambil-alih peranan mentadbir Langkawi.

"Kita bukannya meminta Lada dibubarkan seperti yang dilaporkan sebaliknya mahu badan kerajaan ini dimantapkan lagi bagi membuktikan bahawa ia ditubuhkan untuk membangunkan Langkawi," katanya.

Abu Bakar berkata beliau juga sudah mengutus sepucuk surat kepada Dr Mahathir pada Rabu lepas untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya.

"Saya menjelaskan bahawa tidak terlintas langsung di hati kami meminta kerajaan menarik balik keistimewaan yang dinikmati penduduk Langkawi," kata Abu Bakar yang turut meminta maaf kepada Dr Mahathir jika kedua-dua usul itu telah melukakan hati beliau.

-- BERNAMA

ZAA MFJ AHH